JAWAPAN KBAT EKSRA

KBAT EKSTRA BAB 1

1. (a) Kesan terhadap aktiviti ekonomi negara:
- Aktiviti pertanian terjejas
- Pengeluaran barang pertanian merosot
- Pendapatan golongan petani merosot
- Kenaikan harga barang pertanian
- Peningkatan kos pengeluaran barang pertanian
- Taraf hidup masyarakat terjejas

(b) Cuaca panas merupakan satu peluang perniagaan. Perniagaan yang boleh ditubuhkan adalah:
- Penjualan air minuman
- Menyediakan perkhidmatan penjualan alat penghawa dingin
- Menyediakan perkhidmatan menyelenggara alat penghawa dingin
- Membuka taman bertemakan air

2. (a) Saya bersetuju kerana:
- Bebas membuat keputusan
- Pendapatan lebih tinggi
- Mampu menggunakan idea perniagaan
- Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
- Mewujudkan peluang pekerjaan
- Meningkatkan taraf hidup

(b)
- Lokasi yang strategik
- Penduduk ramai
- Kuasa beli tinggi
- Pusat pelancongan
- Keuntungan meningkat
- Hasil jualan yang tinggi
- Kurang persaingan

KBAT EKSTRA BAB 2

1. (a) Ya, saya bersetuju kerana:
- Permintaan sayur di pasaran akan berkurang
- Harga sayur di pasaran menurun
- Pengeluar mengurangkan pengeluaran sayur

(b) (i) Masyarakat
- Menghadiri kursus/Mencari maklumat tambahan
- Mulakan tanam sayur di laman rumah
- Lakukan sebagai aktiviti riadah
- Wujudkan kerjasama antara komuniti setempat

(ii) Penjual sayur-sayuran
- Beli bekalan sayur dari penduduk setempat
- Mengadakan promosi
- Menawarkan harga kompetitif

(iii) Kerajaan
- Memberi insentif kepada masyarakat yang menyertai program ini
- Menyediakan kursus kepada masyarakat yang berminat dalam program ini
- Menyediakan tanah kosong bagi tujuan tanaman
- Mengadakan kempen menanam

2. (a) Kesan terhadap syarikat pengeluar:
- Peningkatan kos pengeluaran
- Peningkatan harga produk minuman ringan
- Pengurangan permintaan terhadap minuman ringan
- Keuntungan syarikat merosot
- Terpaksa mengubah kaedah pengeluaran
- Mengubah jenis ramuan yang digunakan dalam pengeluaran minuman ringan
- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk pengeluaran minuman ringan dengan ramuan yang baharu

(b) Kesan terhadap ekonomi negara:
- Peningkatan import gula mentah
- Aliran keluar wang
- Memburukkan imbangan dagangan
- Masalah kesihatan menyebabkan kos perubatan meningkat

KBAT EKSTRA BAB 3

1. (a) Manfaat terhadap rakyat Selangor:
- Perjalanan lebih cepat
- Memperkembangkan aktiviti ekonomi
- Mewujudkan bandar baharu
- Boleh membeli rumah lebih jauh dari pusat bandar
- Perjalanan lebih selamat
- Mudah mencari pekerjaan
- Pendapatan isi rumah meningkat
- Menggalakkan aktiviti pelancongan

(b) Projek pembinaan lebuh raya ditentang oleh sesetengah pihak kerana:
- Menyebabkan kesesakan jalan raya
- Peningkatan kenderaan di atas jalan raya
- Kos perjalanan meningkat disebabkan pengenaan caj tol
- Meningkatkan pencemaran alam sekitar
- Terpaksa menggunakan laluan alternatif yang lebih jauh jika jalan ditutup akibat kerja pembinaan.

2. Kerajaan menggalakkan kerana:
- Kemahiran yang dimiliki masyarakat meningkat
- Daya pengeluaran meningkat
- Dapat gaji/pendapatan yang lebih tinggi
- Senang cari kerja
- Dapat memulakan perniagaan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

– Mengurangkan penggunaan pekerja asing
– Pendapatan isi rumah meningkat
– Jimat perbelanjaan
– Yuran pengajian yang rendah
– Sumber manusia yang berkualiti
– Pelaburan asing meningkat

KBAT EKSTRA BAB 4

1. (a) Firma e-dagang menanggung kos operasi yang lebih rendah berbanding dengan firma konvensional kerana:
– Sewa yang lebih rendah
– Tidak memerlukan pekerja yang ramai
– Menggunakan perkhidmatan penghantaran daripada pihak ketiga seperti pos laju
– Kos kertas yang rendah

(b) Sumbangan e-dagang kepada KDNK di negara Amerika Syarikat lebih tinggi berbanding dengan Malaysia kerana:
– Kutipan cukai banyak di Amerika Syarikat
– Lebih ramai rakyat di Amerika Syarikat menggunakan urus niaga atas talian
– Lebih banyak firma di Amerika Syarikat menyediakan urus niaga atas talian
– Rakyat Amerika Syarikat mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi dan banyak terdedah kepada e-dagang

(c) Firma e-dagang mempunyai pasaran yang lebih luas berbanding dengan firma konvensional kerana:
– Pasaran lebih luas iaitu pelanggan dari seluruh dunia
– Lebih mudah dari segi pesanan oleh pelanggan dari seluruh dunia
– Menikmati pelanggan tempatan dan juga pelanggan dari luar negara

(d) Masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh firma yang terlibat dalam aktiviti e-dagang:

Gangguan Internet
– Jika Internet sesebuah syarikat terganggu, syarikat tersebut mungkin tidak dapat menerima pesanan daripada pelanggan.

Perbezaan cita rasa pengguna di seluruh dunia
– Keperluan dan kehendak pelanggan dari seluruh dunia adalah tidak sama akibat perbezaan dari segi adat resam dan tabiat kehidupan.

Penggodam yang mengganggukan sistem pesanan syarikat
– Syarikat e-dagang terdedah kepada risiko penggodam yang sengaja mengganggukan sistem pesanan syarikat.

2. Faedah sosial:
– Peningkatan peluang pekerjaan daripada projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID)
– Perkembangan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut
– Penambahan peluang perniagaan seperti menggalakkan perkembangan industri sokongan di kawasan tersebut

Kos sosial:
– Pencemaran alam sekitar akibat aktiviti penapisan minyak mentah
– Kemusnahan hidupan laut di kawasan penapisan minyak mentah
– Menjejaskan nelayan untuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.